

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 03.08.2017

SOALAN : 45

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik kadar kes jenayah rasuah yang telah direkodkan semenjak lima tahun lalu dan apakah pelan tindakan yang lebih efektif yang akan diambil oleh pihak Kerajaan pada masa hadapan bagi membanteras jenayah rasuah ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Gerik, bagi tempoh antara 2012 hingga 15 Julai 2017, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah merekodkan sebanyak 20,167 maklumat berkaitan isu rasuah. Daripada jumlah tersebut, pihak SPRM telah membuka sebanyak

5,547 Kertas Siasatan. 25% daripada maklumat tersebut, telah dibuka Kertas Siasatan manakala 75% lagi telah diambil tindakan pengesahan maklumat oleh Bahagian Perisikan.

Pecahan pembukaan 5,547 Kertas Siasatan mengikut tahun adalah:

a.	2012	-	1,078;
b.	2013	-	976;
c.	2014	-	919;
d.	2015	-	982;
e.	2016	-	985; dan
f.	2017 (hingga 15 Julai 2017)	-	607

Kerajaan tidak pernah menyekat SPRM daripada mengambil tindakan drastik terhadap pesalah-pesalah rasuah samada dari sektor awam, swasta mahupun Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan (GLC). SPRM sememangnya sangat memandang serius terhadap pesalah rasuah dan sentiasa beriltizam untuk memastikan tindakan penguatkuasaan yang bebas, telus dan profesional terhadap pesalah-pesalah rasuah. Tindakan operasi sememangnya sangat signifikan sebagai langkah punitif dan untuk mewujudkan kegerunan di kalangan pelaku rasuah, namun pendekatan mendidik juga adalah sangat penting bagi memperolehi kesan jangka panjang pencegahan jenayah rasuah. Oleh yang demikian, strategi mencegah rasuah perlu sentiasa diinovasikan supaya dapat menepati persekitaran dinamik semasa, serta berjaya meraih sokongan meluas masyarakat terhadap usaha membenci, menolak dan memerangi rasuah.

Bagi mendekati masyarakat pula, beberapa inisiatif pencegahan rasuah terbaru adalah dengan menggunakan pendekatan

communicate, **penetrate** dan **mobilize** (dengan izin) yang disasarkan kepada semua lapisan, kelompok dan sektor dalam masyarakat. Pendekatan ini dilaksanakan melalui beberapa instrumen pencegahan rasuah terbaru, antaranya:

a. **GERAH**

Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dilaksanakan dengan slogan "SPRM Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah" bagi mendekati rakyat sekaligus menimbulkan kegerunan di kalangan perasuah. Program yang dijalankan secara serentak setiap bulan oleh semua pejabat SPRM di seluruh negara.

GERAH menjadi medan bagi SPRM menjelaskan mengenai rasuah, tanggungjawab pencegahan rasuah dan peranan SPRM sebagai agensi penguatkuasa undang-undang pencegahan rasuah. Dalam masa yang sama, GERAH turut menggerakkan kempen 3 J (*Jangan huloq, Jangan kawtim, Jangan settle*) ke arah mengajak masyarakat menunaikan obligasi mereka untuk sama-sama mencegah jenayah rasuah.

Sejak GERAH dimulakan pada 8hb Mei 2017 sehingga kini, SPRM telah berjaya mendekati hampir 23 ribu anggota masyarakat umum dari pelbagai komposisi umur, sektor, pekerjaan serta kawasan.

b. **Ikrar Bebas Rasuah (IBR)**

IBR adalah lafaz tekad dan perakuan oleh individu yang diberikan amanah jawatan untuk tidak melakukan sebarang perbuatan jenayah rasuah di sepanjang tempoh memegang jawatan tersebut. IBR adalah peringatan secara langsung kepada semua individu terbabit bahawa adalah menjadi tanggungjawab dan amanah jawatan mereka untuk menjauhi perbuatan rasuah. Dengan melafazkan ikrar secara terbuka dan beramai-ramai, setiap yang berikrar akan saling diperingatkan tentang komitmen mereka untuk tidak menyetujui, tidak terlibat dan tidak berkompromi dengan jenayah rasuah.

c. **ISO 37001 Anti Bribery Management System (ABMS)**

Kerajaan melalui peranan Jabatan Standard Malaysia menggalakkan pematuhan garis panduan sistem pengurusan anti rasuah ISO 37001 ABMS oleh mana-mana organisasi tidak kira dari sektor swasta mahu pun awam di negara ini. Garis panduan yang dibangunkan oleh ISO *International* berdasarkan piawaian antarabangsa ini boleh dipatuhi secara sukarela oleh mana-mana organisasi. Garis panduan ini akan dapat membantu organisasi mewujudkan langkah-langkah pencegahan rasuah yang bersesuaian, sekaligus memangkin persekitaran organisasi yang bebas rasuah, selain membantu organisasi menunaikan tanggungjawab korporat mereka. Mana-mana organisasi yang hendak mematuhi ISO ABMS 37001 boleh mendapatkan khidmat nasihat SPRM mengenai komponen pencegahan rasuah yang dinyatakan dalam garis panduan tersebut.

d. **Penubuhan Unit Integriti (UI) di Syarikat Berkaitan Kerajaan**

Unit Integriti dan Tadbir Urus akan ditubuhkan di semua syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) serta semua syarikat milik Kerajaan negeri dan entiti perniagaan milik kementerian bagi mengukuhkan elemen ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus baik. Keputusan penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus di semua entiti yang mempunyai kepentingan Kerajaan itu adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang telus, bertanggungjawab dan ditadbir urus dengan baik demi manfaat pasaran, masyarakat serta komuniti perniagaan keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 46

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaik taraf dan mengaspal Jalan Telaga dalam Daerah Pitas yang merupakan jalan yang ramai pengguna luar bandar menggunakannya dan mendapat rungutan paling banyak sekali mengenai ketidak selesaan jalan tersebut.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Menaiktaraf Jalan Telaga, Pitas tidak tersenarai dalam kelulusan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, RMKe-11. Walau bagaimanapun, projek ini telah tersenarai dalam senarai keutamaan kerajaan negeri dan Kementerian ini akan mengangkat permohonan semula bagi pelaksanaan Rolling Plan akan datang.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

SOALAN (47)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 3 OGOS 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

SOALAN :

YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Malaysia sedang berada di atas landasan untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sasaran negara berpendapatan tinggi telah disarankan dalam Model Ekonomi Baharu yang diperkenalkan pada 30 Mac 2010 dan pencapaian sasaran ini adalah melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dibawah Program Transformasi Negara (NTP) yang merupakan satu usaha yang menyeluruh untuk melonjakkan Malaysia ke arah negara maju.

NTP yang diperkenalkan pada tahun 2010 adalah berteraskan kepada dua komponen utama, iaitu **fokus** dan **daya saing**. Program ini merangkumi 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan dipacu oleh enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Gabungan NKEA dan SRI ini disasarkan untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per Kapita Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Secara keseluruhan, negara kita semakin hampir dengan sasaran yang ditetapkan dan hasil pencapaian NTP dapat dirumuskan dengan penunjuk utama prestasi seperti berikut:

1. **Pertumbuhan Ekonomi Yang Dinamik.** Sejak 2010, Malaysia telah berjaya mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang membanggakan. Pertumbuhan KDNK secara purata di antara 2010 dan 2016 ialah 5.1 peratus. Pencapaian ini adalah dua kali ganda purata pertumbuhan ekonomi dunia. Pertumbuhan KDNK negara telah mencecah 5.6 peratus pada suku pertama 2017 hasil daripada dasar berkesan Kerajaan serta usaha rakyat untuk memajukan ekonomi negara.

2. **PNK per Kapita Semakin Menghampiri Paras Negara Pendapatan Tinggi.**

3. **Peluang Pekerjaan Kian Meningkat.** Kejayaan ekonomi kita menyediakan peluang pekerjaan mengekalkan kadar pengangguran negara di bawah 4%. Laporan Perangkaan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran berada pada kadar 3.4%. Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh sekiranya kadar pengangguran adalah 4% dan kurang yang mana selari dengan definisi *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

4. **Sumbangan Pelaburan Swasta Semakin Meningkat.** Selepas NTP diperkenalkan, kadar pertumbuhan pelaburan swasta antara 2011 dan 2016 telah mencapai 10.8 peratus. Kadar pertumbuhan ini adalah 2 kali ganda kadar pertumbuhan antara tahun 2006 dan 2010. Ini membuktikan keyakinan pelabur swasta dan luar kepada kekuatan ekonomi negara untuk terus tumbuh dengan pesat and mampan.

5. **Langkah-Langkah Konsolidasi Fiskal.** Malaysia tetap komited untuk mengurangkan defisit fiskalnya. Kita telah berjaya mengurangkan defisit fiskal daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.1 peratus pada tahun 2016. Pencapaian ini adalah hasil daripada dasar bertanggungjawab Kerajaan untuk mengurangkan pergantungan hasil kerajaan daripada sumber minyak dan penggunaan kewangan awam secara teliti.

6. **Pembangunan Ekonomi yang Inklusif.**

Sekian, terima kasih.

3 Ogos 2017